

**Pengwujudan 3.3 Juta Pekerjaan Baharu Menjelang 2020 Ikut Perancangan - Najib Bernama
Mei 21, 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata aspirasi Malaysia untuk mewujudkan 3.3 juta pekerjaan baharu menjelang 2020 adalah mengikut perancangan.

Beliau berkata kadar pengambilan pekerja di negara ini telah meningkat sebanyak 17.81 peratus sejak pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 2010.

"Saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kolektif semua rakyat Malaysia daripada sektor kerajaan dan swasta yang bersatu untuk merangsang pengwujudan pekerjaan," katanya dalam entri terbaharu Facebook beliau.

Najib yang juga Menteri Kewangan turut berkongsi pautan Laporan Tahunan ETP 2013 yang diumumkan minggu lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040178>